

# **GARISPANDUAN KECACATAN SELEPAS SIAP**

---

## **1.0 Tujuan**

- a) Memastikan segala kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan dibaikpulih mengikut spesifikasi kerja dan kehendak kontrak.
- b) Menggariskan langkah-langkah yang harus diambil bagi pengeluaran Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (PSMK).

## **2.0 Penentuan Kecacatan**

Kecacatan adalah sebarang kerosakan yang timbul pada bahagian-bahagian kerja yang disebabkan oleh mutu kerja Kontraktor yang tidak menepati spesifikasi tetapi tidak termasuk kerosakan yang berpunca dari penyalahgunaan oleh pengguna.

Kecacatan boleh dikenalpasti semasa:

- (a) Lawatan bersama oleh pihak yang terbabit didalam pelaksanaan projek bagi menentukan kerja telah disiapkan secara praktikal.
- (b) Siasatan dari masa ke semasa dalam tempoh tanggungan kecacatan oleh P.P. atau wakilnya atau dari laporan pengguna.
- (c) Lawatan bersama sebaik sahaja tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan

## **3.0 Tindakan Yang Perlu Diambil Apabila Terdapatnya Kecacatan**

- (a) Tindakan oleh Pegawai Penguasa:
  - (i) Apabila terdapat kecacatan pada bila-bila masa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, P.P. hendaklah mengeluarkan arahan bertulis kepada Kontraktor supaya dibaikpulih kecacatan dalam satu tempoh yang munasabah.
  - (ii) Apabila terdapat kecacatan sebaik sahaja Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat, P.P. hendaklah menyatakan segala kecacatan itu di dalam Senarai Kecacatan yang mana perlu diserahkan kepada Kontraktor dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan. Selepas mengeluarkan Senarai Kecacatan atau selepas 14 hari dari tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan yang mana terakhir, P.P. tidak dibenarkan lagi mengeluarkan apa-apa arahan yang memerlukan kecacatan dibaikpulih.

## **GARISPANDUAN KECACATAN SELEPAS SIAP**

- (b) Tanggungjawab Kontraktor:
- (i) Pada bila-bila masa apabila menerima arahan bertulis daripada P.P. supaya membaikpulih kecacatan maka Kontraktor pada bila-bila masa yang ditetapkan hendaklah melaksanakan arahan itu tanpa gagal. Sekiranya Kontraktor gagal maka kecacatan akan dibaikpulih dengan cara yang difikirkan sesuai oleh P.P dengan kos perbelanjaannya diperolehi dari apa-apa bayaran kepada kontraktor atau jika tidak dari bon pelaksanaan atau pun sebagai suatu wang tuntutan tertentu.
  - (ii) Setelah menerima Senarai Kecacatan seperti di para 3.0(a)(ii) Kontraktor hendaklah membaikpulih segala kecacatan yang telah dikenalpasti dalam tempoh yang ditetapkan atau tidak melebihi 3 bulan dari tarikh menerima Senarai Kecacatan yang mana terdahulu.

Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya maka P.P akan mengambil langkah seperti di para 3.0(b)(i).

### **4.0 Kecacatan Yang Tidak Praktikal Untuk Dibaikpulih**

P.P. hendaklah menentukan susutnilai ke atas Kerja yang mengandungi kecacatan yang tidak praktikal untuk dibaikpulih. Jumlah susutnilai hendaklah dituntut daripada Kontraktor dari apa-apa bayaran kepada Kontraktor (jika ada) atau melalui bon pelaksanaan atau sebagai tuntutan.

Contohnya: Pemasangan 'precast unit' tidak berkualiti tetapi masih boleh berfungsi. Kecacatan tersebut tidak praktikal untuk dibaikpulih kerana melibatkan kos yang tinggi.

### **5.0 Perakuan Siap Membaiki Kecacatan**

Setelah Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat, satu lawatan bersama hendaklah dibuat bagi menentukan segala kecacatan telah dibaikpulih oleh Kontraktor, dan setelah berpuas hati P.P. akan mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan.

### **6.0 Cara-cara Pengisian Borang JKR 203y/82- Perakuan Siap Membaiki Kecacatan**

- 6.1 KERAJAAN - masukkan 'KERAJAAN MALAYSIA' projek Persekutuan dan 'KERAJAAN NEGERI.....' bagi projek negeri.

## **GARISPANDUAN KECACATAN SELEPAS SIAP**

---

- 6.2 Rujukan - sila masukkan nombor fail projek pejabat pegawai yang diberikuasa menandatangani Perakuan.
- 6.3 Pejabat - isikan alamat pejabat pegawai yang diberikuasa untuk menandatangani Perakuan.
- 6.4 Tarikh - tarikh pegawai yang diberikuasa menandatangani Perakuan.
- 6.5 Kepada - nama dan alamat Kontraktor hendaklah sama seperti dalam dokumen kontrak atau alamat baru yang dimaklumkan oleh Kontraktor
- 6.6 Kelas - mengikut kelas pendaftaran semasa Kontraktor
- 6.7 No Kontrak - hendaklah sama dengan yang terdapat dalam dokumen kontrak.
- 6.8 Kontrak Untuk- Nama projek sama seperti di dalam dokumen kontrak.
- 6.9 Nyatakan peringkat penyiapan samada keseluruhan atau bahagian-bahagian.
- 6.10 Tarikh kecacatan diperbaiki dengan sempurna dan diperakukan oleh P.P. dan tarikh tersebut mestilah dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang telah ditetapkan dalam kontrak termasuk 3 bulan, 14 hari selepasnya (sekiranya berkenaan)
- 6.11 Gerenti Bank/Gerenti Insuran/Syarikat Kewangan Berlesen untuk Bon Pelaksanaan dan nilai Bon Pelaksanaan mestilah sama seperti tercatat di dalam kontrak iaitu 5% dari harga kontrak.
- 6.12 Nama penuh Pegawai Penguasa dan jawatan beserta tandatangannya untuk mengesahkan perakuan tersebut diperakui.
- 7.0 Carta Aliran Kecacatan Selepas Siap

Sila lihat **Carta Aliran Kecacatan Selepas Siap**.